

30/11/1999

Rakyat sudah buat keputusan, hormatilah

PENGUNDI sudah buat keputusan. Mereka pilih Barisan. Maksud Kiau Barisan Nasional (BN). Di kalangan pakatan pembangkang, Pas nampaknya dapat habuan besar.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidaklah sehebat dilaungkan walaupun ketuanya Datin Seri Wan Azizah menang besar di kerusi suaminya. Parti Rakyat Malaysia (PRM) entah ke mana. Tetapi DAPlah yang paling malang dan terima bencana. Ia ditolak orang Cina pasal Pas punya angkara.

Pengundi sudah buat pilihan. BN tak tumbang walaupun ada orang kata ia goyang. Barisan alternatif tak menang. Pas sebenarnya menang.

Kiau ucap syabas kepada pengundi khasnya dan rakyat jelata amnya kerana kekalkan keamanan masa kempen dan mengundi. Inilah semangat dan cara demokrasi.

Bukan cara reformasi yang condong kepada keganasan. Ini bukan cara kita. Kiau harap dengan adanya wakil mereka dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri penyokong reformasi tidak berdemonstrasi lagi. Hormatilah proses demokrasi.

Kita ada cara dan tradisi sendiri. Buat apa nak sibuk-sibuk import reformasi jalanan dari Jakarta. Kalau nak import pun, takkan tak ada benda lain yang lebih baik? Kiau yakin ada.

Janganlah rosakkan negara kerana kuasa. Bukan kita tak baca, Amien Rais yang jadi ketua reformasi itu pun tak sampai ke mana. Paling-paling hebat jadi speaker.

Reformasi kita ini apa celanya? Sejak merdeka lagi kita reformasikan itu dan ini secara demokrasi sehingga berjuta rakyat Indonesia boleh menumpang hidup dengan kita.

Yang tunjuk perasaan, berdemonstrasi dan berkonfrontasi dengan 'polisi' itu buat apa? Janganlah lagi kita guna cara begini untuk mengganggu gugat pemerintahan negara.

Sistem demokrasi dan pilihan raya kita selama 42 tahun ini apa cacat dan apa kurangnya? Nah kan hari ini terbukti! Menteri pun boleh kalah. Itu pun kata pilihan raya tidak telus.

Kiau harap selepas ini mereka terima dan hormati keputusan pengundi. Janganlah ada tuduhan itu dan ini untuk menaikkan kemarahan ahli.

Kiau minta polis bertindak tegas terhadap sesiapa saja yang cuba menggunakan cara haram dan ganas.

Kiau rasa bukan rakyat tak demokratik atau jahil politik. Tapi mereka keliru antara janji dengan emosi, antara pembangunan dengan dendam di hati.

Pembangkang mungkin kecundang. Tetapi pihak BN pun tentu akan akui keputusan kali ini. Ia hilang kerusi dan beberapa Menteri.

Tentulah perasaannya pun lain. Pastinyalah tidak sesenang atau selega dulu. Tetapi hendak tidak hendak kita harus akui bahawa dalam demokrasi rakyat memegang kuasa penentu.

Pengundi kita tidak pernah buta. Mereka nampak siapa buat angkara, siapa buat kerja. Siapa hendak menangkan parti dan siapa yang lepas geram di hati.

Kepada yang dipilih YB, yang akan jadi menteri dan ahli exco negeri, Kiau harap janganlah lupa janji, jangan lupa pengundi, jangan rasuah dan jangan asyik nak jadi orang korporat sampai lupa rakyat.

Ingatlah, bukan mudah hendak kekalkan kebebasan, perpaduan dan kemajuan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlukan bantuan. Masa pilihan raya dia

bantu anda, sekarang waktu anda pula bantu dia.

Kiau merayu janganlah cakap tak serupa bikin, nanti rakyat tak yakin. Ingatlah kuasa Melayu lebih lemah kali ini. Tetapi apa Kiau nak kata itu pilihan pengundi.

(END)